



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 6, No. 1, (June, 2021)**

## **Kerangka pembentukan modul pengajaran bahasa al-Quran untuk masyarakat awam**

*[The designing framework of Quranic language teaching module  
for the public]*

**Mohammad Loqman Ibrahim & Azlan Shaiful Baharum\***

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

\* Corresponding Author: Profesor Madya Dr. Azlan Shaiful Baharum. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: [azlan\\_arab@usim.edu.my](mailto:azlan_arab@usim.edu.my). Telp.: 013-3491715. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-4916-6488>.

---

### **Kata Kunci:**

Kerangka Pembentukan,  
Modul, Pengajaran, Bahasa  
al-Quran, Masyarakat  
Awam.

---

### **ABSTRAK**

Pembelajaran bahasa Arab menerusi al-Quran telah mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan oleh pengaruh media Islamik hari ini yang giat menyiarkan rancangan berbentuk pengajaran al-Quran, seperti tadabbur, tafsir serta siri bacaan al-Quran. Masyarakat awam memerlukan satu modul yang komprehensif dan selari dengan keperluan pembelajaran tersebut. Ini kerana masyarakat tidak terlepas daripada pendedahan terhadap bahasa Arab yang menjadi bahasa utama al-Quran dan Hadis. Tambahan pula, kesemua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab, malah menjadi syarat sesuatu ibadah itu diterima oleh Allah SWT khususnya ibadah solat. Oleh itu pengkaji menggunakan kaedah rekabentuk ADDIE dan beberapa kaedah rekabentuk seperti modul Syekh Abū Ḥassan al-Nadwī, modul Knowles dalam pembelajaran dewasa dan kaedah Pusar dalam menyediakan modul ini. Oleh itu, kajian ini akan membina kerangka sebuah modul pembelajaran bahasa Arab al-Quran dengan teknik yang menarik. Kajian ini menggunakan pendekatan baru, iaitu menerusi warna asas atau primer. Pembentukan modul ini juga mengandungi pendedahan asas kepada orang awam tentang hukum tatabahasa Arab yang terdapat di dalam al-Quran secara mudah. Pengkaji mencadangkan agar kajian terperinci bagi memudahkan orang awam memahami al-Quran menerusi bahasa Arab dapat digiatkan lagi usaha dan impaknya.

---

### **Keywords:**

*Designing Framework,  
Module, Learning, Quranic  
Language, Public.*

---

### **ABSTRACT**

*Learning Arabic through the Quran has begun to attract interest in our society. This arises from the influence of Islamic programs in the mass media that broadcast Quranic teachings such as Quranic verses explanations as well as the Quran recitations. They need a comprehensive module that suits their interest. Inevitably, the society is exposed to the Arabic language that is also the medium of the Quran and the Hadith. Moreover, most acts of worship in Islamic traditions, such as the five daily prayers, require the use of the Arabic language for them to be accepted by Allah. Thus, the researcher uses the ADDIE Framework Methodology besides Syekh Abū Ḥassan al-Nadwī Module, Knowles Module in adult learning and the "Pusar" Methodology to develop the module for this study. This study aims to build the framework of an Arabic learning module with interesting techniques. The objective of this*

---

---

*study is to publish a basic Quran Arabic module that is suitable for use by the public in Malaysia. This study also explores new approaches through the use of basic or primary colours. Furthermore, this module exposes the public to the basic Arabic grammar in the Quran in a simple manner. The researcher would like to suggest that detailed studies to facilitate the public in understanding the Quran through the Arabic language should be intensified.*

---

Received: January 20, 2021

Accepted: April 02, 2021

Online Published: June 30, 2021

## 1. Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa terpenting di dunia. Di Malaysia, menurut Wan Azura, Lubna, Arnida dan Zainur Rijal (2009) bahasa Arab menjadi bahasa ketiga yang terpenting selepas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tambahan pula, bahasa Arab memainkan peranan yang penting terutama perkara yang melibatkan hal-hal ibadat seperti solat, haji dan membaca al-Quran. Selain itu, pengajaran bahasa Arab di Malaysia semakin hari semakin berkembang. Menurut Rosni (2009), pengajaran bahasa Arab telah bermula sejak dari kedatangan Islam secara tidak rasmi. Tujuannya adalah untuk memahami ajaran Islam dan melaksanakan ibadahnya. Perkembangan pengajaran bahasa Arab dapat dilihat dengan jelas dalam perkembangan pengajian Islam di institusi pondok serta diperluas oleh sistem pendidikan madrasah lalu dipelbagaikan pula subjeknya hingga hari ini.

Dewasa ini, minat orang ramai terhadap pembelajaran bahasa Arab semakin bertambah dengan rancaknya. Hal ini berikutan pengaruh media Islamik hari ini yang giat menyiarkan rancangan-rancangan berbentuk al-Quran seperti kuliah tafsir serta siri bacaan al-Quran (Azlan & Mohammad Loqman, 2020). Menurut Suhaila dan Nur Afifah (2014), kebanyakan orang awam di Malaysia mempelajari bahasa Arab adalah untuk tujuan memahami al-Quran dan bacaan di dalam Solat. Jadi, perkara ini menunjukkan fungsi bahasa Arab yang amat besar dalam pelaksanaan hal-hal ibadah terhadap kehidupan masyarakat di Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Pembelajaran bahasa Arab tidak lagi menjadi pilihan bahkan keperluan yang penting bagi mereka.

## 2. Pembelajaran Bahasa Arab al-Quran di Malaysia

Pelbagai program telah diadakan bagi menarik lebih ramai orang mencintai al-Quran. Hal ini boleh dilihat menerusi pelbagai aktiviti yang diadakan sama ada di masjid mahupun di kaca TV, seperti *Quran Hour*, *Tadabbur Centre* dan sebagainya. Menurut Ku Fatahiyah, Shahrudin, Rosnan dan Wazzainab (2019), antara tujuan utamanya adalah untuk memahami isi kandungan al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu.

Memahami isi kandungan al-Quran tidak terlepas dari memahami bahasanya sendiri, iaitu bahasa Arab. Menurut Wan Azura et al. (2009), penguasaan yang mantap dalam kalangan ulama terdahulu, seperti Ibn 'Abbās, Ibn 'Ashūr dan al-Shanqīṭī dalam bahasa Arab telah membuktikan bahawa aspek bahasa juga memainkan peranan yang penting dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Di Malaysia, pelbagai kaedah baru bagi memahami al-Quran dibuat, seperti Puser, Al-Furqan dan 'Ulwān. Hal ini menunjukkan kesedaran orang ramai terhadap pembelajaran bahasa al-Quran telah mula meningkat.

Oleh itu, kajian artikel ini telah membina kerangka sebuah modul pembelajaran bahasa Arab al-Quran dengan teknik yang menarik. Hal ini kerana kajian mendapati bahawa kebanyakan orang awam mempelajari Bahasa Arab adalah untuk tujuan memahami al-Quran dan bacaan dalam solat (Suhaila & Nur Afifah, 2014). Kajian ini telah memberikan pendekatan baru untuk orang awam dalam mempelajari perkataan Bahasa Arab al-Quran, iaitu menerusi warna asas atau primer. Di samping itu, kajian ini juga turut memberi pendedahan asas kepada orang awam tentang hukum-hukum tatabahasa Arab yang terdapat di dalam al-Quran secara mudah.

Abdul Jalal dan Samsul Bahari (2015) telah mengkaji keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran *Hifz al-Qur'an*. Tujuan kajiannya adalah bagi menilai keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan terhadap pemahaman makna ayat al-Quran dan mengenal pasti hubungan antara kefahaman makna ayat dengan tahap

pengekal hafazan pelajar. Beliau telah menggunakan eksperimen benar (*true experimental design*) yang melibatkan kaedah berbentuk deskriptif dan inferensi ujian pasca dan ujian pra-pasca. Kajian Abdul Jalal & Samsul Bahari (2015) menggunakan empat instrumen kajian, iaitu ujian hafazan, ujian kefahaman makna ayat, pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur. 32 orang responden dikelompokkan dalam kumpulan rawatan dan 47 orang dalam kumpulan kawalan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Product and Service Solutions* (SPSS) yang juga dikenali sebagai program SPSS 11.0. Hasil kajian mendapati kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan dapat meningkatkan kefahaman makna ayat al-Quran pelajar. Namun, tiada hubungan yang signifikan antara kefahaman makna ayat al-Quran dengan tahap pengekal hafazan pelajar hasil.

Dalam kajian yang lain, Nazri, Saipolbarin dan Muhammad Zulkifli (2017) mengkaji *Keberkesanan Pengajaran al-Balāghah al-‘Arabiah dengan Menggunakan Contoh Ayat al-Quran*. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui keberkesanan pengajaran kaedah dalam *al-Balāghah al-‘Arabiah* dengan menggunakan contoh ayat al-Quran di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pendekatan kepustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian. Selain itu, pra-ujian dan pasca-ujian diberikan kepada pelajar-pelajar semester 1 Ijazah Sarjana muda Bahasa Arab dengan Pendidikan, UPSI, untuk menilai tahap pemahaman mereka terhadap *al-Balāghah al-‘Arabiah* sebelum dan selepas pengajaran. Hasilnya, responden berpendapat bahawa subjek ini susah disebabkan keterbatasan perbendaharaan yang dimiliki yang mengakibatkan mereka kurang memahami konsep *al-Balāghah* sama ada dalam teks puisi ataupun prosa.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang mengkaji tentang modul Bahasa Arab untuk warga emas yang bertajuk *Kerangka Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab untuk Warga Emas*. Kajian ini telah dilaksanakan oleh Nor Yazidah, Che Radiah, Nik Farhan dan Mohd Sukki (2016) bagi mereka-bentuk suatu modul pembelajaran asas bahasa Arab khusus untuk pelajar warga emas. Rekabentuk akan dibina berdasarkan langkah-langkah reka bentuk instruksi yang terdiri daripada lima fasa utama, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian modul berasaskan teori dan prinsip pembelajaran dewasa Knowles (James, 2014) yang diterangkan dengan lebih terperinci dalam metodologi kajian. Kajian ini berusaha untuk menekankan bahawa prinsip pembelajaran dewasa andragogi adalah sangat penting dalam memastikan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas suatu pembelajaran yang berkesan dan memberi makna dalam kehidupan seharian mereka. Sebanyak 90% dari latihan yang disediakan boleh dijawab dengan baik oleh pelajar-pelajar. Oleh, konsep andragogi sangat berkesan dalam penggunaannya terhadap golongan dewasa.

Tambahan lagi, terdapat kajian yang lain yang mengkaji *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS)*. Kajian ini telah dilaksanakan oleh Mohd Shafie, Hairun Najuwah, Hasanah dan Ahmad (2018). Ia bertujuan untuk meninjau kekuatan yang ada pada sesebuah pusat bahasa Arab yang sentiasa menjadi tumpuan peserta mempelajari bahasa Arab. Kajian dijalankan dengan menggabungkan kedah temubual bersama pegawai PBAS dan edaran soal selidik kepada peserta yang mengikuti kursus di PBAS. Dapatan kajian mendapati bahawa PBAS merupakan pusat bahasa Arab yang mempunyai kekuatan modul pengajaran dan pembelajaran interaktif berdasarkan kemampuan kelengkapan makmal ICT dan kekuatan modul program pembelajaran interaktif. Selain itu, PBAS juga didokongi oleh tenaga-tenaga pengajar dari dalam dan luar negara. Hasil dapatan soal selidik juga menunjukkan para peserta berpuas hati dengan modul yang disediakan oleh PBAS.

Dalam kajian yang lain pula, Nooraihan, Mohammad Hilmi dan Asyraf (2020) telah mengkaji *Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri Strategi Pemahaman Membaca Teks Bahasa Arab (MPK SPMBA) Untuk Pelajar Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi*. Ia bertujuan untuk menilai keberkesanan sebuah modul pengajaran strategi pemahaman membaca Bahasa arab yang dihasilkan bagi membantu penguasaan kemahiran membaca Bahasa arab dengan efektif. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah modul yang dikenali dengan MPK SPMBA dan ujian pencapaian yang terdiri daripada dua set soalan soal selidik penggunaan strategi membaca yang diuji sebelum ujian pra dan selepas ujian pasca pemahaman teks. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan SPK SPMBA memberi kesan positif kepada peningkatan ketepatan pemahaman dan kecepatan membaca teks. Ia juga sesuai dan relevan diaplikasi sebagai alat bantu mengajar secara terarah sendiri dalam meningkatkan kebolehan pelajar.

Terdapat juga kajian yang bertujuan meninjau kepentingan bahasa Arab serta pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan Muallaf. Kajian yang berjudul “*Kajian Deskriptif Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Muallaf*” ini telah dilaksanakan oleh Md Noor, Kamal Azmi dan Rosni pada tahun 2019. Kajian ini telah dilaksanakan secara deskriptif untuk meninjau kepentingan bahasa arab serta pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan muallaf melalui kajian-kajian lepas berkenaan muallaf serta tinjauan secara rawak. Kajian mendapati, walaupun terdapat pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di kalangan muallaf, ianya teramat sedikit. Kajian yang dijalankan juga mendapati terdapat pelaksanaan pengajaran

dan pembelajaran bahasa Arab secara sistematis dan bermodul kepada golongan muallaf. Walau bagaimanapun, ianya perlu diperluaskan dan diperbanyakkan bagi memberikan ruang dan peluang yang lebih banyak kepada mereka. Pihak-pihak yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di kalangan muallaf juga perlu memberi penekanan kepada tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan tahap mereka. Kajian juga mendapati, walaupun sebahagian besar muallaf agak sukar mempelajari dan menguasai bahasa Arab, namun terdapat muallaf yang berkemampuan dan berkebolehan dalam penguasaan mereka terhadap bahasa Arab.

Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri dan Mohd Firdaus (2015) telah melaksanakan satu kajian yang bertajuk *Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam di Malaysia*. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi berkaitan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan masyarakat muslim awam di Malaysia. Kajian dijalankan melalui soal selidik yang dimuat naik dalam laman sosial *Facebook* melibatkan sejumlah 616 responden di seluruh Malaysia. Hasil kajian menunjukkan majoriti masyarakat awam mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat muslim khususnya bagi memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah. Pengkaji mencadangkan agar disusun modul pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Hal ini adalah berikutan daripada cadangan-cadangan yang dicadangkan oleh para responden. Pengkaji sangat menyambut baik cadangan tersebut dan bercadangan untuk menyusun sebuah modul yang lebih baik untuk tujuan ibadah. Modul Bahasa Arab al-Quran adalah satu inisiatif yang dirasakan sangat sesuai.

Kajian terhadap pembinaan modul turut diteruskan oleh Hussin dan Hadi (2019). Pengkaji telah mengkaji pembinaan modul pembelajaran 'Adad dan Ma'dūd berpandukan ayat al-Quran. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi membina sebuah modul yang berkesan bagi mengatasi masalah miskonsepsi dalam pembelajaran bilangan dalam bahasa Arab yang dikenali sebagai 'adad dan ma'dūd. Beliau telah menggunakan pendekatan ADDIE dalam menyusun modul tersebut. Pendekatan ADDIE didapati sangat membantu dalam membina sebuah modul pembelajaran. Melalui fasa-fasa yang dicadangkan, modul tersebut dibina dengan membahagikan 'adad kepada tiga kelompok sahaja berdasarkan kepada persamaan ciri dalam setiap kelompok berkenaan iaitu 'adad sama, 'adad berlawanan dan 'adad neutral. Pembahagian ini dilakukan untuk mengurangkan masalah kekeliruan dalam kalangan golongan sasaran seterusnya menangani permasalahan miskonsepsi yang diketengahkan. Hasil kajiannya adalah mereka mendapati satu penemuan baharu iaitu cara pembahagian 'adad yang dimurnikan. Berpunca daripada fasa analisis, ditemukan bahawa kekeliruan kepada jenis 'adad yang banyak dengan kaedah yang pelbagai merupakan antara faktor miskonsepsi. Justeru, kajian Hussin dan Hadi (2019) mengetengahkan pembahagian baharu berdasarkan kepada persamaan antara setiap kelompok 'adad. Kesimpulananya, pengkaji melihat pendekatan ADDIE begitu berkesan dalam menyusun sesebuah modul disamping pendekatan-pendekatan baharu dalam pengajaran Bahasa Arab perlu dikaji dengan lebih dalam agar pengajarannya menjadi lebih sempurna dan baik.

### 3. Reka Bentuk Modul


Reka bentuk modul pengajaran merupakan elemen utama dan terpenting dalam menjayakan proses pengajaran & pembelajaran sesuatu kursus. Menurut Dick dan Reiser (1989), tujuan diadakan aktiviti reka bentuk pengajaran ialah untuk mengesyorkan kaedah pengajaran yang optimum yang boleh mengubah pengetahuan pelajar, kemahiran dan efektif pelajar. Pembangunan reka bentuk sebuah modul penting bagi menjadikan modul yang lebih efektif serta sesuai. Oleh itu, pengkaji mengadaptasi empat kaedah rekabentuk modul, iaitu Modul ADDIE, Modul Syekh Abu Hassan An-Nadwī, Modul Nowles dalam pembelajaran orang dewasa dan Modul Kaedah Pular oleh Mohd. Rusdi Alias (2013).

#### 3.1 Reka Bentuk ADDIE dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran

Model ADDIE merupakan antara model rekabentuk yang sistematis dan efektif yang terdiri daripada lima fasa, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian (Ummu Nasibah, Muhammad Izuan & Nazipah, 2015). Model ADDIE ini adalah satu akronim bagi perkataan *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (perkembangan), *Implementation* (pelaksanaan), dan *Evaluation* (penilaian). Teori ini telah diihamkan oleh Dick dan Carey (1996).

Berdasarkan istilah ini, pengkaji dapat lihat bahawa model ADDIE mempunyai struktur yang saling berkait antara satu sama lain. ADDIE disusun mengikut turutan prosesnya yang tersendiri. Menurut McGriff (2000), setiap output bagi sesuatu fasa akan menjadi input pada fasa yang lain. Pengkaji tertarik untuk menjadikan ADDIE sebagai model pembangunan modul bahasa Arab al-Quran. ADDIE akan mengalami proses-proses yang berikut:





**Gambar 1.** Lima Elemen dalam Model ADDIE

Berdasarkan Gambar 1 iaitu 5 elemen dalam model ADDIE, pengkaji memulakan proses menganalisa tentang apa yang perlu dipelajari iaitu keperluan masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa al-Quran. Selain itu, elemen kedua iaitu reka bentuk. Pengkaji memproses bagaimana bahasa al-Quran boleh dipelajari. Elemen ketiga iaitu pembangunan. Fasa ini memberi perincian tentang pembangunan modul bahasa al-Quran yang dipanggil sebagai modul al-Mulawwan. Elemen yang keempat iaitu pelaksanaan. Pengkaji melaksanakan bahan-bahan pengajaran modul bahasa al-Quran yang telah direka-bentuk dan dibangunkan mengikut keperluan pelajar. Elemen yang terakhir adalah pengajaran. Bahan modul yang telah siap diproses akan diukur untuk mendapatkan maklum balas terhadap keseluruhan rangka modul ini.

### 3.2 Pendekatan *al-Nadwī* daripada buku *Qīṣas al-Nabiyyīn Li al-Atfāl*

Abū Ḥassan ‘Alī al-Nadwī seorang sasterawan Islam yang ulung. Nama beliau sangat terkenal dalam dunia Sastera Islam. Tempat asal beliau adalah dari benua India. Menurut Zamzam (2000) dalam bukunya berjudul *Abū Ḥassan ‘Alī Al-Hasani Al-Nadwī: Keperibadian, Sejarah Hidup dan Perjuangan*, nama tokoh ini mengharumkan syiar Islam di India. Pusat pengajian tinggi Islam yang dipimpinnya telah banyak melahirkan ulama dan cendekiawan muslim bukan hanya di India, bahkan di seluruh dunia.

Sumbangan *al-Nadwī* dalam Bahasa Arab amatlah besar sekali terutamanya pada buku beliau yang berjudul “*Qīṣas al-Nabiyyīn li Atfal*” iaitu kisah-kisah para nabi bagi kanak-kanak. Beliau menyusun buku ini bagi kanak-kanak yang ingin mempelajari Bahasa Arab berdasarkan kisah-kisah para nabi. Bahkan, menurut Zaharuddin (2016), tokoh tersebut menyarankan agar buku ini dibaca bukan sahaja oleh golongan kanak-kanak, malah golongan dewasa kerana beliau menggabungkan aspek lahiriah (fizikal) dan batiniah (spiritual) dalam karya bahasa Arabnya (Zamzam, 2000).

Karya tersebut juga menyelitkan ayat-ayat al-Quran. Ia melalui proses pemilihan ayat yang sesuai dengan jalan ceritanya. Ramai dalam kalangan tokoh penulis Arab seperti Sayyid Quṭb memuji *Qīṣas al-Nabiyyīn li Atfāl*. Pengkaji merasakan pendekatan buku ini harus diberi perhatian yang sewajarnya untuk pembelajaran bahasa al-Quran di Malaysia. Pendekatan *al-Nadwī* dalam menyampaikan ilmu bahasa Arab yang mencakupi aspek lahiriah dan batiniah sangat perlu diimplementasikan. Di samping itu, penyusunan kisah-kisah nabi yang diambil menerusi ayat-ayat al-Quran turut wajar diambil perhatian.

### **3.3 Model Knowles untuk Pengajaran Orang Dewasa**

Pengajaran dan pembelajaran untuk orang dewasa berbanding kanak-kanak sangat berbeza. Hal ini kerana kemampuan mereka dalam memproses pelajaran yang mereka telah belajar amat berbeza. Golongan dewasa tidak belajar seperti kanak-kanak. Mereka akan meneliti tentang apa yang mereka akan pelajari, sebab dan keperluan bagi mereka belajar. Mereka juga akan mempelajari sesuatu yang boleh memberi mereka manfaat dalam kehidupan sehariannya (James, 2014).

Valerie (2009) menyatakan bahawa golongan dewasa kebiasaannya akan mengambil tahu apakah mereka mempelajari ilmu baru atau tidak sebelum menyertai sebarang kelas. Hal ini kerana golongan dewasa, fokus mereka ialah pembelajaran yang bersifat kehidupan atau kemahiran yang membantu mereka dalam menjalani rutin kehidupan. Oleh itu, terdapat banyak teori yang menyatakan tentang pengajaran orang dewasa antaranya adalah teori Knowles.

Malcolm S. Knowles adalah salah seorang pelopor teori pengajaran untuk golongan dewasa. Beliau antara yang menggunakan Andragogi dalam pembelajaran dewasa (Kearsley, 2010). Beliau menyatakan terdapat 4 ciri-ciri pengajaran (Andragogi) untuk orang dewasa mengikut pendapat Knowles, iaitu:

- i. Pelajar dewasa hanya mempelajari apa yang diajarkan guru. Perkara ini turut dinyatakan oleh Valerie (2009) bahawa pelajar dewasa hanya perlu mempelajari apa yang diajarkan oleh guru mereka. Tambahan lagi, pelajar hanya mempelajari pembelajaran yang berguna untuk mereka menjawab peperiksaan atau menjalani rutin kehidupan.
- ii. Golongan dewasa mempelajari suatu pembelajaran serta mengaitkannya dengan pengalaman-pengalamannya dalam kehidupan. Christopher menambah lagi, golongan dewasa mempelajari sesuatu yang hanya memberi impak kepada rutin harian mereka.
- iii. Golongan dewasa dipengaruhi oleh motivasi luaran dan dalaman dalam mempelajari sesuatu pelajaran. Motivasi luaran adalah seperti kawan, suasana kelas, tempat tinggal dan lain-lain. Manakala motivasi dalaman adalah seperti kerohanian, keyakinan diri, nilai-nilai kehidupan dan lain-lain.
- iv. Pelajar dewasa menjalankan suatu tugas pelajaran yang memberi kesan pada tugas dan peranan mereka dalam kehidupan. Oleh itu, dalam membangunkan sebuah sesi pembelajaran yang berkesan untuk orang dewasa, tugas, contoh yang sesuai amatlah diambil berat.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa modul pengajaran bahasa Arab al-Quran harus mengambil kira beberapa aspek Andragogi yang diketengahkan oleh Knowles terutama berkaitan pembelajaran untuk orang dewasa kerana ia menekankan aspek psikologi dan tumpuan pengetahuan yang lebih sesuai dengan keadaan mereka.

### **3.4 Pendekatan Warna dalam Pembelajaran**

Manusia sangat mencintai warna. Murid di institusi pendidikan mencintai pelbagai warna terutama dalam aspek pembelajaran. Di samping dapat merangsang emosi dan memudahkan murid untuk mengingat sesuatu, warna juga mempengaruhi kecekapan dan perhatian murid dalam pembelajaran. Dalam artikel oleh Chang dan Xu (2019) menyatakan bahawa pembelajaran melalui warna dapat menghilangkan kebosanan murid, merangsang minat dan fokus terhadap pembelajaran disamping memudahkan murid dalam mengingat dan memproses pembelajaran.

Menurut Dzulkifli dan Mustafar (2013), warna begitu penting dalam pelbagai bidang sama ada pendidikan, komunikasi, kesihatan termasuklah sukan. Tambahan lagi, peranan warna sangat membantu bagi pesakit-pesakit yang mengalami masalah memori dan tumpuan seperti gangguan pembelajaran, Autisme dan Dyslexia. Kesimpulannya, pendekatan warna adalah suatu yang boleh diambil perhatian dalam membangunkan sebuah modul berkesan. Oleh itu, pengkaji berharap agar pendekatan warna yang pelbagai dalam modul ini dapat membantu murid dalam memahami bahasa Arab menerusi al-Quran terutama dalam membezakan pembahagian perkataan bahasa Arab yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata sendi.

### 3.5 Pendekatan Kaedah Puser Oleh Mohd. Rusdi (2013)

Kaedah Puser adalah sebuah kaedah yang telah diasaskan oleh Mohd. Rusdi (2013). Kaedah ini adalah sebuah pendekatan bahasa Arab al-Quran melalui pembelajaran per kata. Kaedah ini disusun berdasarkan perkataan-perkataan yang dianggap popular di dalam al-Quran berdasarkan 12 tahun pengalamannya mengajar al-Quran kepada orang awam. Di samping itu juga, menurut Mohamad Loqman (2019) beliau telah membuat penjenamaan semula terhadap istilah-istilah ilmu morfologi menjadi formula tertentu, seperti sifir Matematik yang mewakili setiap perkataan bahasa Arab. Tambahan pula, beliau juga telah merumuskan beberapa formula mudah dalam mempelajari bahasa Arab pada masa kini. Oleh itu pengkaji mendapati kaedah formula amat memberikan kesan yang positif dalam pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji menerapkan beberapa elemen formula atau sifir morfologi yang mudah mengambil kira pendekatan yang diperkenalkan seperti kaedah Puser ini banyak membantu para pelajar untuk menguasai Bahasa Arab dengan lebih mudah dan efektif.

### 4. Reka bentuk Modul *al-Mulawwan* (2021)

Pembinaan rekabentuk modul komprehensif pembelajaran Bahasa Arab al-Quran oleh pengkaji yang bertujuan mendekati orang awam dengan perkataan bahasa arab al-Quran melalui penggunaan warna primer. Modul ini direkabentuk dengan cara membahagikan setiap kategori utama perkataan di dalam al-Quran. Metodologi yang digunakan ialah penggunaan warna dalam membezakan kategori tersebut. Warna hitam akan mewakili perkataan *al-fi 'l*, merah mewakili *al-harf* dan hijau mewakili *al-ism*. Daripada aspek nahu, rekabentuk modul akan menyediakan tajuk-tajuk asas dengan keterangan yang sesuai untuk mereka yang baru berjinak-jinak dengan tatabahasa arab peringkat asas dan pertengahan. Contoh-contoh pula akan diambil daripada ayat-ayat al-Quran pelbagai tema yang lebih dekat dengan orang awam.

Selain itu, aspek kosa kata pula, modul ini dicadangkan membahagikan perkataan-perkataan ini kepada 4 kategori, iaitu kata pinjaman bahasa Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu, kosa kata yang berulang, kosa kata yang wajib diketahui dan kosa kata yang tidak diketahui maknanya. Kebiasaannya, orang awam secara umum mampu menguasai dan memahami 70% perkataan dalam al-Quran (Mohd. Rusdi, 2013). Di samping itu, kaedah ini juga menekankan aspek tadabbur makna dan tafsir bahasa dalam ayat al-Quran yang menjadikan pembelajaran lebih bermakna, realistik dan efektif.

Oleh itu, melalui modul ini, mereka dapat mengenal pasti perkataan dalam al-Quran dengan lebih mudah dan seronok, di samping memantapkan kefahaman mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri dengan tepat. Ia bertepatan dengan logo yang dipaparkan di bawah (Gambar 2) yang menpati elemen tiga warna primer iaitu hijau, hitam dan merah dalam membentuk formula mudah membezakanpelbagai perkataan dalam bahasa al-Quran.



**Gambar 2.** Logo modul *al-Mulawwan* 2021 yang direkabentuk oleh pengkaji

## 5. Jadual dan Gambar Rajah

Modul yang telah direkabentuk ini memberi pendedahan kepada beberapa ciri-ciri inovatif yang menarik. Antaranya:

### 5.1 Membahagikan Setiap Kategori Perkataan dalam al-Quran dengan Warna Primer



**Gambar 3.** Contoh penggunaan warna primer dalam pembelajaran surah al-‘Aṣr

Pembahagian perkataan di dalam al-Quran menggunakan tiga warna primer atau warna asas iaitu hijau, merah dan hitam bagi setiap perkataan. Warna hijau mewakili *al-isim* (kata nama), merah *al-ḥarf* (kata sendi) dan hitam *al-fi’il* (kata kerja). Seperti yang didapati dalam Gambar 3 di atas. Perkataan yang diwarnakan dengan hijau itu adalah tergolong daripada kata nama, seperti *al-‘aṣr*, *al-insān*, *khusr*, *alladzina*, *as-ṣāliḥāt*, *al-ḥaq* dan *as-ṣabr*. Manakala perkataan yang berwarna merah adalah perkataan yang terdiri daripada kata sendi yang pelbagai, seperti *waw al-Qasm*, *inna*, *la fi*, *illā*, *waw al-ʿatf* dan *ḥarf jār*. Selain itu perkataan yang merupakan kata kerja menggunakan warna hitam iaitu *āmanū*, *‘Amilū* dan *tawāṣau*. Oleh itu para pelajar akan dapat membezakan dengan lebih mudah setiap jenis perkataan dan dapat mengenalpasti dengan pantas perbezaan ketiga-tiga jenis perkataan ini.

### 5.2 Penyediaan Tajuk Sebagai Isu Utama Bagi Setiap Contoh yang Diberikan

Penyediaan tajuk ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar untuk merujuk isi penting atau pengajaran yang terkandung di dalam ayat berkenaan. Hal ini bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh pengkaji, iaitu menggabungkan aspek lahiriah (bahasa) dan batiniah (pengajaran dan nilai). Ini adalah pendekatan yang diadaptasi daripada metod yang digunakan oleh al-Nadwī, salah seorang ulama tersohor pada awal abad ke-20. Ini dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini dalam reka bentuk modul. Sebagai contoh seperti paparan dalam Gambar 4 setiap ayat al-Quran yang diletakkan dalam modul ini mempunyai tajuk-tajuk yang telah ditentukan seperti ayat tentang penurunan al-Quran dalam bulan Ramadan, hukum lelaki dan perempuan yang telah berkahwin melakukan maksiat serta orang yang lalai menunaikan solat. Di samping para pelajar mempelajari bahasa Arab, mereka juga dapat memahami tema yang berkaitan dengan ayat-ayat berkenaan secara jelas.




Bulan Ramadhan bulan penurunan Al-Quran ke langit dunia
<p>شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ</p> <p>(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran [Al Baqarah: 185]</p>
Hukuman Lelaki dan perempuan belum berkahwin yang melakukan maksiat
<p>وَالَّذَانِ يَأْتِيَنَّهَا مِنْكُمْ فَكَادُوهُمَا</p> <p>Dan terhadap dua orang yang melakukan perbuatan keji di antara kamu, maka berilah hukuman kepada keduanya. [An Nisa':16]</p>
Orang yang lalai dalam melaksanakan solat
<p>الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ</p> <p>(lailu) orang-orang yang lalai dari solatnya [Al Ma'un:5]</p>

**Gambar 4.** Contoh tajuk-tajuk yang disediakan mengikut ayat al-Quran yang diberikan

### 5.3 Pembahagian Kunci Penguasaan 70% Perkataan Bahasa Arab dalam al-Quran

Gambar 5 menunjukkan pembahagian kunci penguasaan 70% perkataan di dalam al-Quran ini diadaptasi daripada buku *Cara Mudah Menguasai Bahasa al-Quran Kaedah Puser* oleh Mohd. Rusdi (2013). Pengajaran Kaedah Puser ini adalah memfokuskan pengajaran kepada *al-ism* dan *al-harf* asas dalam pengajaran yang merangkumi 40% perkataan di dalam al-Quran. Manakala perkataan selainnya adalah terdiri daripada perkataan pinjaman yang terdapat dalam bahasa Melayu serta perkataan yang dianggap berulang-ulang di dalam al-Quran. Ia merangkumi 30% perkataan di dalam al-Quran. Ini menunjukkan bahawa mempelajari bahasa Arab adalah sesuatu yang tidak susah kerana banyak perkataannya telah pun diketahui oleh majoriti pelajar yang berbangsa Melayu dan fasih bertutur bahasa Melayu. Oleh itu modul ini mengadaptasi elemen pembahagian ini untuk memantapkan modul yang direkabentuk oleh pengkaji.



**Gambar 5.** Peratusan perkataan yang perlu dikuasai dalam al-Quran

#### 5.4 Penyediaan Kad Kunci Perkataan (Kalendar Perkataan-Taqwīm al-Kalimāt)

Kad Kunci Perkataan seperti dalam Gambar 6 ini adalah sebuah kad atau kalendar yang mengumpulkan *al-harf* dan *al-ism* yang wajib diketahui oleh pelajar. Pada permulaan pengajaran, pelajar akan didedahkan dengan mengenal perkataan *al-harf* dan *al-ism* yang menjadi syarat wajib untuk mereka kenal sebelum mengenal tajuk-tajuk yang lebih besar. Kad ini penting bagi mereka sebagai rujukan pada setiap kali kelas berlangsung. Selain itu, kad ini juga mengandungi jadual mudah bagi mereka untuk mengenal *al-fi'l* serta perubahan-perubahannya. Tambahan pula, kalendar perkataan ini mengandungi rujukan mudah bagi *wazan* atau formula morfologi yang disusun mengikut susunan bernombor.



Gambar 6. Kalendar Perkataan (Taqwīm al-Kalimāt)

#### 6. Pengiktirafan dan Penerbitan

Kajian dan penyelidikan ini telah menyertai beberapa pertandingan inovasi yang dianjurkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia juga telah mendapat respon dan pengiktirafan yang baik dari pelbagai pihak. Antaranya ialah pasukan penyelidik telah memperoleh pingat gangsa dalam Pertandingan e-Inovasi sempena Majlis Dekan Pendidikan peringkat Kebangsaan (MEDC) 2020 di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan pingat emas dalam Pertandingan Inovasi Kajian dan Pendidikan Antarabangsa (Edu-INNOVATION) 2020 dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengiktirafan ini sepertimana yang ditunjukkan dalam Gambar 7.



**Gambar 7.** Pengiktirafan di pertandingan inovasi yang berkaitan dengan modul yang dibangunkan

## 7. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan yang dibuat, diharapkan kajian dapat memberi impak yang baik untuk masa depan bahasa Arab di Malaysia. Para pelajar mengharapkan sebuah modul bahasa Arab yang mudah dan sesuai untuk segala lapisan masyarakat khususnya di Malaysia dapat diimplementasikan bagi membantu orang ramai memahami bahasa Arab serta menghayatinya dalam segenap kehidupannya khususnya dalam ibadah. Dengan modul ini juga, pengkaji mensasarkan untuk menerbitkan lebih banyak produk yang lebih bersifat holistik seperti aplikasi bahasa al-Quran digital, e-Book pembelajaran bahasa Arab al-Quran dan sebagainya. Pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab digital ini dilihat juga bersesuaian dengan kehendak semasa kini selain memberi nafas baru dalam dunia pembelajaran bahasa Arab. Pengajar juga perlu mengemaskini teknik pengajaran bahasa Arab pada zaman teknologi serba canggih ini. Hal ini memerlukan usaha dan pergandingan bahu banyak pihak bagi merealisasikannya. Bahasa Arab yang dilihat sebagai bahasa ilmu dan ibadat ini akan dilihat terus segar dalam masyarakat jika hal ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

## Rujukan

- Abdul Jalal, A. M., & Shamsul Bahari, D. (2015). *Keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran hifz al-Quran*. Malaysia: Penerbitan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Azlan, S. B., & Mohammad Loqman, I. (2020). The errors of the al-idafah and al-sifah in Arabic writing among students of Sekolah Agama Menengah Hulu Langat Selangor, Malaysia. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 17(1), 40-58. Retrieved from <https://al-qanadir.com/index.php/aq/article/view/242>.
- Chang, B., & Xu, R. (2019). Effects of colors on cognition and emotions in learning. *Technology, Instruction, Cognition, Learning*, 11 (4), 287-302.
- Dick, W. & Reiser, R. A. (1989). *Planning effective instruction*. New York, NY: Prentice Hall.
- Dick, W. & Carey, L. M. (1996). *The systematic design of instruction*. New York, NY: Harper Collins.
- Dzulkifli, M. A., & Mustafar, M. F. (2013). The influence of colour on memory performance: a review. *The Malaysian Journal of Medical Sciences: MJMS*, 20(2), 3-9. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3743993/>.
- Hussin, M. & Abdul Hadi, M. (2019). Pembinaan modul pembelajaran 'adad dan ma'dud berpandukan ayat al-Quran. *Issues in Language Studies* 8(1), 85-103. <https://doi.org/10.33736/ils.1411.2019>.

- James, G. C. (2008). *Adult learning theory*. Virginia, VA: Darden Business Publishing.
- Kearsley, G. (2010). *Andragogy (M. Knowles). The Theory into practice database*. Retrieved from <http://tip.psychology.org>.
- Ku Fatahiyah, K. A., Shaharuddin, H. N., Rosnan & Wazzainab, I. (2019). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahfiz wal Qiraat. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities* 16 (2), 1-15. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/31377>.
- McGriff, S. J. (2000). *Instructional systems*. Penn State: College of Education.
- Md Noor, H., Kamal Azmi, A. R., & Rosni, W. (2019). Kajian deskriptif terhadap pembelajaran bahasa Arab di kalangan mualaf. *Prosiding International Conference on Muallaf (ICOM) 2019*. 1-10. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/34054896>.
- Mohamad Loqman, I. (2019). *Kesalahan kata adjektif dan al-idhafah dalam penulisan pelajar Sekolah Agama Menengah Hulu Langat Batu 10 Cheras*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Shafie, Z., Hairun Najuwah, J., Hasanah, H. I. & Ahmad, I. (2018). Modul pengajaran dan pembelajaran interaktif bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (5) 1, 1-10. Retrieved from [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files8/jsass\\_vol5bil1\\_010\\_shafie.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files8/jsass_vol5bil1_010_shafie.pdf).
- Mohd Shahrizal, N., Muhammad Sabri, S. & Mohd Firdaus, Y. (2015). Tinjauan persepsi pembelajaran bahasa Arab untuk tinjauan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat Muslim awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* (30) 1, 51-72. Retrieved from <http://irep.iium.edu.my/44263/>.
- Mohd. Rusdi, A. (2013). *Cara mudah menguasai bahasa al-Quran: kaedah pusing gabungan perkataan popular dan sijir*. Kuala Lumpur, KL: Kibar Management.
- Nazri, A., Saipolbarin R., & Muhammad Zulkifli, A. M. (2017). Keberkesanan pengajaran al-Balāghah al-Arabiyyah dengan menggunakan contoh ayat al-Quran. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL) 2017*.
- Nooraihan, A., Mohd Hilmi, A., & Asyraf, A. R. (2020). Penilaian keberkesanan modul pembelajaran sendiri strategi pemahaman membaca teks bahasa Arab (MPK SP MBA) untuk pelajar pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 20-37. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.437>.
- Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2019). Isu pelaksanaan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab melalui atas talian. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 110-124. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/60>.
- Nor Yazidah, Y., Che Radiah, M., Nik Farhan, M. & Mohd Sukki, O. (2016). Pemilihan kosa kata dalam pembinaan modul pembelajaran asas bahasa Arab untuk pelajar warga emas. *Jurnal Al-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)* 2 (2): 73-92. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/53497/>.
- Nur Afifah, F. & Suhaila, Z. H. I. (2014). Tinjauan literatur modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk orang awam. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Pappas, C. (2013). *The adult learning theory – andragogy – of malcolm knowles*. New York, NY: E-learning Industry.
- Rosni, S. (2009). *Pendekatan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar bukan penutur jati*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rusdi, A. (2010). *Kaedah pengajaran pusing*. Kuala Lumpur, KL: Penerbit Akademi Hudhud Sdn Bhd.
- Steven, J. M. G. (2000). *Instructional system design (ISD): using the ADDIE model*. Penn State: Instructional Systems, College of Education.
- Suhaila, Z. & Nur Afifah, F. (2014). Penggunaan modul dan buku bahasa Arab untuk orang awam. *Jurnal Al-Hikmah*, 6(2), 65-77. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/93>.
- Ummu Nasibah, N., Muhammad Izuan, A. G. & Nazipah, M. S. (2015). Model ADDIE dalam proses reka bentuk modul pengajaran: bahasa Arab tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia sebagai contoh. *Proceedings of The International Seminar on Language Teaching (ISELT) 2015*.
- Valerie, M. (2009). Reviewing the evidence on how adult students learn: an examination of Knowles' model of andragogy. *The Irish Journal of Adult and Community Education*, 90-110. Retrieved from <https://eric.ed.gov/?id=EJ860562>.
- Wan Azura, W. A., Lubna, A. R., Arnida, A. B. & Zainur Rijal, A. R. (2009). *Kepentingan bahasa arab dalam penghuraian isu makanan: kajian dalam al-Quran*. Melaka: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Yahya, N. Y., Mezah, C. R., Nik Farhan M. & Mohd Sukki O. (2016). Kerangka pembinaan modul pembelajaran asas bahasa Arab untuk pelajar warga emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization* 3(1), 58-



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**JOURNAL AL-IRSYAD Vol. 6, No. 1, (June, 2021)**

67. Retrieved from  
[https://worldconferences.net/journals/icasic/vol\\_3\\_n1/KERANGKA\\_PEMBINAAN\\_MODUL\\_PEMBE\\_LAJARAN%20ASAS\\_BAHASA\\_ARAB\\_UNTUK\\_PELAJAR\\_WARGA\\_EMAS.pdf](https://worldconferences.net/journals/icasic/vol_3_n1/KERANGKA_PEMBINAAN_MODUL_PEMBE_LAJARAN%20ASAS_BAHASA_ARAB_UNTUK_PELAJAR_WARGA_EMAS.pdf).
- Zaharuddin, N. A. Q. (2016). *Qisas al-nabiyyin lil atfāl: kisah para nabi untuk kanak-kanak, makna kalimah, penerangan nahu & saraf dan terjemahan*. Jil. 1. Kuala Lumpur, KL: Basooir Global.
- Zamzam, A., F. (2000). Abū al-Ḥassan ‘Alī al-Ḥasanī al-Nadwī: keperibadian, sejarah hidup dan perjuangan. *Jurnal Usuluddin* 11 (1), 79-92. Retrieved from:  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3850>.